

Bil. S 51

**AKTA KAWALAN HARGA
(PENGAL 142)**

PERINTAH KAWALAN HARGA (HARGA DAN BAYARAN MAKSIMUM), 2012

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran.
2. Harga dan bayaran maksimum.

JADUAL

**AKTA KAWALAN HARGA
(PENGAL 142)**

PERINTAH KAWALAN HARGA (HARGA DAN BAYARAN MAKSIMUM), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 3B(1) dari Akta Kawalan Harga, maka Pengawal Harga dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kawalan Harga (Harga dan Bayaran Maksimum), 2012.

Harga dan bayaran maksimum.

2. Pengawal Harga dengan ini memerintahkan bahawa barang-barang atau jenis-jenis barang yang dinyatakan dalam Jadual adalah barang-barang yang dikenakan bab 3B(1) dari Akta itu.

JADUAL

1. Kenderaan bermotor penumpang.
2. Beras (Thai Hom Mali, beras Thai dan beras pulut).
3. Gula (putih, halus, pasir, tebu, bijian halus).
4. Tepung gandum.
5. Rokok dan tembakau.
6. Susu tepung anak damit.
7. Susu (pekat dan cair).
8. Motor gasoline Premium 97.
9. Motor gasoline Super 92.
10. Motor gasoline Regular 85.
11. Minyak gas automotif (minyak diesel).
12. Kerosin dua tujuan.
13. Gas petroleum cecair berbotol.

14. Minyak masak (canola, jagung, palma, sayur, bunga matahari dan kacang soya).
15. Bar tetulang.
16. Pasir.
17. Batu (agregat 3/4).
18. Simen.
19. Bitumen.
20. Asfalt.
21. Konkrit siap campur.
22. Bata (tanah liat dan konkrit).

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 13 haribulan November, 2012.

DR. HJH. MAY FA'EZAH BINTI HJ. AHMAD ARIFFIN
Pengawal Harga,
Negara Brunei Darussalam.